



SIARAN MEDIA

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

SEKOLAH KEBANGSAAN RAWANG TERPILIH SEBAGAI SEKOLAH ANGKAT MADANI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Rawang, 11 Ogos 2025 – Akauntan Negara Malaysia, YBhg. Datuk Nor Yati Ahmad telah menyempurnakan Majlis Peluncuran Sekolah Angkat MADANI di Sekolah Kebangsaan Rawang.

Bersempena dengan program Sekolah Angkat MADANI (SAM) yang telah diperkenalkan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 20 Jun 2025, Sekolah Kebangsaan Rawang telah terpilih sebagai SAM di bawah Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Program ini bertujuan untuk menangani jurang pendidikan dengan memadankan organisasi berkemampuan dengan sekolah yang memerlukan.

Turut hadir dalam program ini adalah Guru Besar Sekolah Kebangsaan Rawang YBrs. Puan Rozita Othman dan Pegawai Pendidikan Daerah Gombak YBrs. Tuan Zainal Ismail.

Akauntan Negara Malaysia, YBhg. Datuk Nor Yati Ahmad dalam ucapannya menyatakan “*pemilihan Sekolah Kebangsaan Rawang sebagai Sekolah Angkat MADANI di bawah seliaan JANM amat bertepatan dan kena pada masanya. Usaha murni ini membuktikan bahawa **kerjasama rentas agensi** mampu memberi impak besar kepada pembangunan pendidikan di peringkat akar umbi*”.

JANM telah memperuntukkan RM 100,000 untuk penaiktarafan fasiliti dan infrastruktur di Sekolah Kebangsaan Rawang dan ia dijangka siap sepenuhnya pada September 2025.

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
11 OGOS 2025

